

Bangunan BB Plaza tak diroboh

167 peniaga boleh terus operasi

KUALA LUMPUR: Kebimbangan 167 peniaga di pusat beli-belah Plaza Bukit Bintang (BB Plaza), di sini, berakhir apabila mereka boleh meneruskan perniagaan di situ, berikutan bangunan berkenaan tidak dirobohkan meskipun projek pembinaan stesen Mass Rapid Transit (MRT) berlangsung.

Sebaliknya, hanya pengusaha lima kios dan kedai yang beroperasi di laluan pejalan kaki di hadapan bangunan berkenaan saja perlu mengosongkan premis

selewat-lewatnya hujung minggu ini, namun mereka akan menerima pampasan daripada MRT Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) yang nilainya masih dalam perbincangan.

Dalam mesyuarat tiga pihak dipengerusikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di ibu pejabat Uda Holdings Bhd (Uda), di sini semalam, peniaga terbabit yang 60 peratus Bumiputera masih boleh berniaga di situ.

Malah, MRT Corp turut memberi jaminan sepanjang projek pembinaan berjalan, laluan pejalan kaki dari pintu hadapan untuk masuk ke Plaza BB akan dibuka seperti biasa, namun diwujudkan penghadang pembinaan di bahagian depan bagi memberi keselesaan dan menjaga keselamatan semua pihak.

Pihak berkenaan turut memberitahu ketika kerja pembinaan bawah tanah, hanya pergerakan tanah yang minimal berlaku, manakala dinding diafragma stesen di-

dirikan mengguna kaedah 'top-down' bagi memastikan strukturnya kukuh seperti struktur bangunan sedia ada yang kukuh dengan dua paras bawah tanah.

Kenyataan bersama Uda dan MRT Corp juga berkata, pihak MRT Corp sudah menyemak semula pelan reka bentuk stesen BB Sentral supaya dapat mengelakkan integrasi secara langsung dengan BB Plaza dan berdasarkannya juga BB Plaza dan bangunan pejabat Uda tidak perlu dirobohkan.